

04 AUG 1999

Sulaiman-Kampung Baru

JAWATANKUASA DIWUJUDKAN UNTUK BANGUNKAN KAMPUNG BARU

KUALA LUMPUR, 4 Ogos (Bernama) -- Satu jawatankuasa akan diwujudkan bagi mengenal pasti formula paling sesuai dan berkesan untuk membangunkan kawasan Kampung Baru di sini dengan lebih teratur.

Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Dr Suleiman Mohamed hari ini berkata jawatankuasa itu akan dianggotai 25 orang termasuk wakil daripada Jabatan Perdana Menteri, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Unit Perancang Ekonomi dan wakil-wakil penduduk.

Amanah Raya Berhad, sebuah agensi kerajaan yang terlibat dalam perkhidmatan mentadbir harta pusaka dan harta amanah, akan turut menyertai jawatankuasa itu yang berperanan sebagai orang tengah dalam perundingan antara kerajaan dengan penduduk kampung, katanya kepada pemberita di pejabatnya di sini.

"Saya akan menulis surat kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mendapatkan kebenarannya bagi mengadakan mesyuarat awal jawatankuasa itu," katanya.

Semalam Yang di-Pertuan Agong, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah bertitah supaya Kampung Baru dibangunkan semula dengan perancangan yang lebih teratur. Baginda bertitah demikian kepada rombongan 35 orang ketua kampung, pemimpin masyarakat dan penduduk asal kampung itu yang menghadap baginda di Istana Negara.

Kali pertama rancangan untuk membangunkan Kampung Baru seluas 96 hektar itu timbul pada 1990 tetapi pada 1994 ia ditangguhkan kerana beberapa sebab terutamanya mencapai persetujuan mengenai pampasan yang ditawarkan kerajaan. Pada masa itu penduduk menuntut pampasan RM400 sekaki persegi sedangkan nilai semasa tanah di situ ialah RM250 sekaki persegi.

Suleiman berkata Sultan Salahuddin juga mengemukakan cadangan mengenal pasti satu kawasan seluas 200 hektar dekat Putrajaya untuk dijadikan Kampung Baru II.

"Baginda akan meminta kerajaan Selangor dan bantuan kerajaan persekutuan untuk memindahkan Kampung Baru ke kawasan baru itu, dan dalam masa yang sama pemilik tanah di Kampung Baru di sini dibenarkan menjual tanah mereka dan berpindah ke kawasan baru secara percuma," katanya.

Katanya, dengan adanya jawatankuasa ini, bolehlah satu keputusan dibuat sama ada penduduk Kampung Baru dipindahkan ke kawasan baru atau kampung itu dibangunkan dengan cara yang akan ditentukan kemudian.

Beliau juga berkata usaha juga akan dilakukan untuk menyampaikan maklumat yang menyeluruh kepada semua penduduk di kampung itu agar mereka memahami langkah yang akan dijalankan.

Menurutnya, Amanah Raya Berhad berperanan mentadbir tanah di situ kerana salah satu kegagalan pembangunan kampung itu dahulu ialah pemilikan tanah yang ramai terhadap satu lot yang kecil, sehingga ada lebih 52 nama bagi kawasan tanah seluas 8,000 kaki persegi.

"Bila dah ada ramai pemilik tanah bagi satu lot yang kecil, maka wujud masalah. Oleh itu baginda mencadangkan supaya kerajaan membeli tanah di situ dan membangunkannya mengikut kesesuaian perancangannya dan ini akan menguntungkan semua pihak," katanya.

Menurutnya, terdapat 192 lot dan 3,600 nama pemilik tanah di situ dan kos untuk membangunkan kampung itu memerlukan kira-kira RM10 bilion dan ini tidak termasuk RM384 juta jika RM2 juta ditawarkan kepada setiap 192 lot itu.

Sementara itu Pengerusi Masjid Jamek Kampung Baru, Aziz Jamaluddin

Tahir, 45, berkata adalah lebih baik satu formula dicapai sebelum menentukan pembangunan kampung tersebut agar perancangan pembangunan tidak tergendala lagi.

"Kita mahu memegang saham atas pembangunan yang ada dilaksanakan kerana kami tidak mahu kehilangan identiti sebagai anak jati Kampung Baru," katanya.

Beliau juga menyambut baik jika Amanah Raya Berhad dilantik perunding antara kerajaan dan penduduk kampung kerana ia boleh membantu ketelusan urusan membangunkan kampung berkenaan.

Seorang penduduk Haji Ahmad Nekmat, 68, berkata adalah lebih baik kampung itu dibangunkan agar ia dapat memberi manfaat kepada penduduk kampung.

"Saya tidak setuju jika kami hendak dipindahkan ke satu kawasan baru kerana bagi saya sebagai penduduk asal kampung ini adalah wajar kami diberi peranan dalam pembangunan nanti," katanya.

Beliau berkata jika mereka disuruh berpindah, mereka akan hilang identiti kampung itu sebagai kampung tertua di negara ini.

Katanya, adalah wajar penduduk dikekalkan di situ sebagai menghormati nenda Seri Paduka yang menghadiahkan tanah itu kepada penduduk asal di situ pada 1890.

-- BERNAMA

ARA NMO